

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS believes that export bans are unsustainable and may lead to unintended negative consequences

Kuala Lumpur, 3 June 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) expressed concerns that the government's recent decision to halt the exports of 3.6 million chickens per month from 1 June 2022 is a short-term solution to address the issue of chicken shortages in Malaysia, and will lead to unintended negative consequences to Malaysian consumers and the larger economy such as higher prices for imported chicken and the loss of significant markets in the long-term.

Amid periods of uncertainty, countries like Malaysia are leaning towards self-sufficiency food policies such as food export bans in order to prioritise their own needs over the spirit of regional cooperation. IDEAS believes that such policies are inward-looking and often lead to disruptions in the domestic and global markets.

As noted by IDEAS CEO, Tricia Yeoh, "The newly introduced export ban on chickens has the potential to damage the industry as a whole, particularly the breeders. Malaysia's export of live birds has increased from 40.19 million birds in 2007 to 59.08 million in 2020. With the government imposing a RM8.90 ceiling price on chicken to keep poultry prices low, local suppliers rely on exports to countries such as Singapore, Thailand, Japan, Hong Kong and Brunei in order to cover the cost and keep their operations afloat."

With the export bans, IDEAS warns that breeders would suffer significant losses due to the low-profit margins that will arise from depending solely on local sales which are insufficient to cover the high production costs. This may lead to many suppliers ceasing operations and ultimately damage the poultry industry as a whole. Additionally investments and expansionary plans in this sector may be stunted in the future if the government cuts off access to lucrative markets as a short-term remedy to a food supply shortage. Exports bans will also lead to trade diversion among importing countries like Singapore, and this will hurt the local industry in the long term with the loss of a significant market. A knee-jerk ban on exports would only exacerbate domestic chicken supply in the long run and further compound our food security in this area.

From the recent past, it was observed that the implementation of export bans resulted in negative consequences. During the pandemic in 2020, Vietnam and Cambodia introduced export bans for rice. This has led to higher import costs and prices for imported rice which hurt consumers and households. Additionally, Indonesia recently announced an export ban for palm oil which they reversed. It was highlighted that after the ban was introduced, the Indonesian exchange rate weakened, as markets expected export earnings to decrease. By attempting to protect its people, the ban led to increased costs of imports through the depreciation of the currency which led to further price hikes. Such results can also be experienced by Malaysians in our context.

As pointed out by Juita Mohamad, the Director of the Economics and Business Unit at IDEAS, "During the pandemic, export bans were widely implemented, especially for Personal Protective Equipments (PPE) among selected Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) member countries, and to date the bans are still in place even when production capacity is increased and domestic demands met. It is evident that such measures are easily introduced by governments but the elimination does not come as promptly even when output has increased and local domestic demand is met."

In the short run, IDEAS suggests that instead of taking an inward-looking stance in solving the food security issue, Malaysia can tap into existing and potential bilateral and multilateral partners for further cooperation to ensure food security is attained not just in good times but also in uncertain times. Leveraging on our existing partnerships with other country producers can result in increased supply of selected food products in the near term.

The removal of the Approved Permits (APs) is also a good step to ensure sufficient supply of food items. Nevertheless, without the removal of tariffs and non-tariff barriers in the immediate term, such as reducing import duties, streamlining and expediting certification processes, the current food and chicken supply in Malaysia will not be increased significantly. In the long run, Malaysia needs to improve on its R&D in food-tech and agriculture sectors so that capacity, productivity and crop yield can be built up over time to further support Malaysia's future food security.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Dr Juita Mohamad
Director, Economic and Business Unit
Acting Director of Research
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS percaya larangan eksport adalah tidak mampan dan mungkin menyebabkan kesan negatif yang tidak diingini

Kuala Lumpur, 3 Jun 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menzahirkan kebimbangan akan keputusan terkini kerajaan untuk menghentikan eksport 3.6 juta ekor ayam sebulan bermula 1 Jun 2022 sebagai satu penyelesaian jangka pendek dalam menangani isu kekurangan bekalan ayam di Malaysia. Keputusan tersebut akan menyebabkan pelbagai kesan negatif tidak diingini terhadap pengguna Malaysia dan ekonomi yang lebih besar seperti harga yang lebih tinggi untuk ayam import serta kehilangan pasaran penting dalam jangka panjang.

Di kala mengalami ketidaktentuan, negara seperti Malaysia cenderung ke arah dasar-dasar makanan sara diri seperti larangan mengeksport makanan agar dapat memberi keutamaan kepada keperluan sendiri berbanding semangat kerjasama serantau. IDEAS percaya bahawa dasar-dasar sebegini adalah dasar pandang dalam dan sering kali menyebabkan gangguan terhadap pasaran tempatan serta dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, mengulas, "Larangan mengeksport ayam yang baru diperkenalkan ini berpotensi merosakkan industri secara keseluruhan, terutamanya kepada para penternak ayam. Eksport ayam Malaysia telah meningkat daripada 40.19 juta ekor ayam pada tahun 2007 kepada 59.08 juta ekor ayam pada tahun 2020. Apabila kerajaan menetapkan harga siling RM8.90 untuk seekor ayam agar harga kekal rendah, pembekal tempatan bergantung pada eksport ke negara-negara seperti Singapura, Thailand, Jepun, Hong Kong dan Brunei untuk menampung kos serta memastikan mereka dapat kekal beroperasi."

IDEAS memberi amaran bahawa larangan eksport ini akan menyebabkan penternak ayam mengalami kerugian ketara kerana margin keuntungan yang rendah disebabkan oleh kebergantungan penuh kepada jualan tempatan yang tidak mampu menampung kos pengeluaran yang tinggi. Hal ini akan menyebabkan ramai pembekal gulung tikar dan akhirnya merosakkan industri ayam secara keseluruhannya. Malah, perancangan pelaburan dan pengembangan dalam sektor ini kemungkinan akan terbantut pada masa hadapan jika kerajaan memotong akses terhadap pasaran-pasaran yang lumayan disebabkan penggunaan penyelesaian jangka pendek apabila kekurangan bekalan makanan berlaku. Larangan eksport juga akan menyebabkan lencongan perdagangan oleh negara-negara pengimpor seperti Singapura, lalu akan menjelaskan industri tempatan untuk jangka panjang kerana kehilangan satu pasaran penting. Larangan mengeksport secara terburu-buru akan memburukkan lagi kedua-dua bekalan ayam tempatan dalam jangka masa panjang dan juga keselamatan makanan kita.

Kita dapat melihat baru-baru ini bahawa pelaksanaan larangan mengeksport telah menyebabkan beberapa kesan negatif. Ketika pandemik pada tahun 2020, Vietnam dan Kemboja telah melaksanakan larangan mengeksport beras. Hal ini telah menyebabkan kenaikan kos mengimport dan harga beras import yang menjelaskan ramai pengguna dan isi rumah. Sebagai tambahan, Indonesia baru-baru ini telah mengumumkan satu larangan mengeksport minyak kelapa sawit yang kemudian telah ditarik semula. Kadar tukaran wang Indonesia menjadi lemah setelah pengumuman pelaksanaan larangan eksport tersebut dilakukan kerana pasaran menjangkakan hasil eksport akan menurun. Di sebalik percubaan melindungi rakyat sendiri, larangan eksport tersebut menyebabkan kenaikan kos import melalui penyusutan nilai mata wang lalu membawa kepada lebih banyak kenaikan harga barang. Perkara yang sama juga boleh berlaku kepada rakyat Malaysia.

Juita Mohamad, Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan IDEAS berkata, "Larangan eksport dilaksanakan secara meluas ketika pandemik, terutamanya untuk barang kelengkapan perlindungan diri (PPE) dalam kalangan negara-negara anggota Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) terpilih. Sehingga kini, larangan eksport tersebut masih lagi berkuat kuasa walaupun kapasiti pengeluaran telah dipertingkatkan dan memenuhi permintaan tempatan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa langkah-langkah sebegini amat mudah untuk diperkenalkan oleh kerajaan tetapi pembatalannya tidak berlaku dengan segera walaupun hasil pengeluaran telah meningkat dan permintaan tempatan berjaya dipenuhi."

Dalam jangka masa pendek, IDEAS menyarankan agar Malaysia dapat menggunakan rakan kongsi dua hala dan juga rakan kongsi pelbagai hala yang sedia ada serta rakan dagang yang berpotensi untuk bekerjasama dengan lebih lanjut agar dapat memastikan keselamatan makanan dapat dicapai bukan sahaja ketika waktu senang malah ketika ketidaktentuan melanda berbanding hanya mengambil pendirian pandang dalam untuk menyelesaikan isu keselamatan makanan ini.

Pemansuhan lesen import (AP) juga merupakan satu langkah yang baik untuk memastikan bekalan bahan makanan yang mencukupi. Namun begitu, tanpa pemansuhan halangan tarif dan bukan tarif dalam jangka masa terdekat, seperti mengurangkan duti import, memperkemas dan mempercepat proses pensijilan, bekalan makanan dan ayam semasa di Malaysia tidak akan meningkat dengan ketara. Untuk jangka panjang, Malaysia harus menambah baik aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor teknologi makanan dan pertanian supaya kapasiti, produktiviti, dan pertumbuhan hasil tanaman dapat dibina dari semasa ke semasa untuk memberikan lebih sokongan kepada keselamatan makanan Malaysia pada masa hadapan.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Dr Juita Mohamad
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan
Pemangku Pengarah Penyelidikan
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.